

Perdana menteri kesal masih ramai percaya ilmu hitam
Free Malaysia Today
Nov 26, 2016

Perdana menteri menggesa rakyat meninggalkan kepercayaan karut kerana jika terus diamalkan akan menyetepikan kaedah rawatan yang lebih terjamin.

PUTRAJAYA: Masyarakat perlu mengambil tahu dan menghayati ilmu kesihatan agar sebarang penyakit boleh dicegah di peringkat awal, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Beliau berkata ini kerana terdapat segelintir masyarakat yang masih mempercayai kepercayaan karut tentang sesuatu penyakit ketika kaedah perawatan moden mencapai tahap tertinggi.

Berkongsi pengalaman ketika mengunjungi beberapa pusat autisme sebelum ini, Najib berkata beliau dimaklumkan pengarah pusat berkenaan ia kurang mendapat perhatian ibu bapa yang mempunyai anak autisme kerana mereka percaya keadaan anak mereka disebabkan terkena buatan orang atau ilmu hitam.

“Dalam lawatan tersebut saya bertanya berapa ramai yang menggunakan pusat rawatan yang disediakan kerajaan itu dan dimaklumkan ia tidak seperti diharapkan kerana ada ibu bapa percaya keadaan yang dialami anak-anak mereka adalah disebabkan terkena buatan orang.

“Maknanya masih ada dalam kalangan ibu bapa yang mempercayai sesuatu penyakit itu disebabkan ilmu hitam sehingga mengatasi keyakinan terhadap keupayaan sains dan rawatan moden,” katanya ketika berucap merasmikan majlis Sunathon Perdana di Masjid Putra, di sini hari ini.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor turut hadir pada majlis anjuran bersama Pertubuhan Doktor-Doktor Islam Malaysia (Perdim) dan Kementerian Wilayah Persekutuan melibatkan 1,250 peserta dalam kalangan anak yatim, asnaf dan keluarga kurang kemampuan.

Perdana menteri berkata kepercayaan karut itu perlu ditinggalkan kerana jika terus dijadikan amalan, ia secara tidak langsung akan menyetepikan kaedah rawatan yang lebih terjamin.

Mengenai program Sunathon Perdana, Najib berkata ia satu pendekatan terbaik apabila pihak swasta seperti Perdim tampil memberikan khidmat secara percuma dalam membantu golongan yang memerlukan.

“Kerjasama tersebut menyaksikan pihak Perdim menampilkan kaedah bersunat terkini dengan cara ‘clamp dan laser’, berbanding cara konvensional menggunakan ‘tok

mudim', sekali gus mengurangkan rasa takut atau sakit kepada kanak-kanak yang melaluinya.

“Saya anggap usaha kerajaan dan doktor Islam ini adalah satu lagi kaedah yang sangat baik kerana memberikan khidmat kesihatan yang tidak mampu ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan,” katanya.

Najib juga menzahirkan kekaguman beliau dengan program itu kerana selain nama sunathon, bilangan peserta melebihi 1,000 orang juga adalah luar biasa dan layak dimasukkan ke dalam Malaysia Book of Records (MBOR).

“Saya sudah biasa merasmikan jogathon, walkathon dan pelbagai acara seumpama ini, namun program sunathon ini saya anggap lebih menarik dan boleh jadi sejarah baharu yang layak disenarai dalam MBOR,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/26/perdana-menteri-kesal-masih-ramai-percaya-ilmu-hitam/>